

BAB II

PEMBIAYAAN DAN PEMBANGUNAN FIZIKAL SRJK(C)

Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, sekolah-sekolah rendah Cina pada dasarnya dapat mengekalkan kebebasan dan autonomi mereka. Sekolah-sekolah tersebut adalah dibiayai dan diselenggarakan sepenuhnya oleh masyarakat Cina menerusi Lembaga Pengelola Sekolah. Segala urusan yang bersangkutan dengan pentadbiran dan pengurusan, kemudahan dan kelengkapan fizikal sekolah adalah ditanggung oleh Lembaga Pengelola Sekolah.

Semenjak penguatkuasaan Akta Pelajaran 1961, semua SRJK(C), sama ada sekolah bantuan penuh milik kerajaan maupun sekolah bantuan penuh bukan milik kerajaan telah diiktiraf dan diserapkan secara rasmi ke dalam sistem pendidikan kebangsaan. Malahan Seksyen 21(1) Akta tersebut memperakukan bahawa adalah menjadi kewajipan Kementerian Pendidikan bukan sahaja untuk menuuhkan SK/SRK dan SRJK, tetapi juga menyelenggarakan sekolah-sekolah berkenaan. Sungguhpun demikian, masyarakat Cina tetap bersungut bahawa SRJK(C) tidak diberi layanan yang sama seperti yang diterima oleh SK/SRK. Akibatnya, SRJK(C) ini sering dilanda pelbagai masalah dan rintangan. Antara masalah yang diutarakan oleh SRJK(C) ialah ketidaksamarataan peruntukan kewangan serta masalah pembinaan dan pembangunan sekolah.

Peruntukan dan Pengagihan Kewangan

Peruntukan kewangan merupakan salah satu aspek yang sentiasa menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pemimpin Lembaga Pengelola SRJK(C), Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Mereka mendakwa kerajaan mengamalkan dasar diskriminasi dalam pemberian peruntukan kewangan kepada SRJK(C). Mereka bertungkus lumus memperjuangkan layanan yang sama rata di antara SK/SRK dan SRJK, dengan syarat pemberian layanan tersebut tidak menjelaskan kuasa autonomi dan status quo SRJK(C).

Mengikut Akta Pelajaran 1961, semua sekolah rendah di bawah Kementerian Pendidikan, termasuk SRJK(C) dan SRJK(T) adalah dikategorikan sebagai **sekolah bantuan penuh kerajaan** (*full-assisted schools*). Pada dasarnya, peruntukan kewangan Kementerian Pendidikan kepada semua sekolah rendah ini, sama ada sekolah rendah bantuan penuh milik kerajaan ataupun bukan milik kerajaan, adalah terbahagi kepada dua jenis, iaitu peruntukan pengurusan (Grant-in-aid) dan peruntukan pembangunan (**Bantuan Modal**).

Dari segi peruntukan pengurusan, Kementerian Pendidikan ternyata tidak mengamalkan sikap membeza-bezakan dalam pemberiannya kepada sekolah, tidak kira sama ada SK/SRK, SRJK(C) ataupun SRJK(T). Sebaliknya adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan memberikan peruntukan tersebut atas asas dan kadar yang sama kepada semua sekolah rendah di bawah Belanja Mengurus.

Bantuan kewangan di bawah Belanja Mengurus ini adalah terdiri daripada bantuan per kapita dan diberikan dengan berdasarkan kepada satu kadar yang tetap. Jumlah bantuan yang diterima oleh tiap-tiap sekolah bergantung kepada bilangan murid di sekolah berkenaan.¹ Ini bermakna sekolah yang mempunyai murid yang lebih ramai menerima bantuan yang lebih tinggi, manakala sekolah dengan bilangan murid yang kecil akan menerima bantuan yang kecil.

Malahan, mulai tahun 1990, Kerajaan telah pun menambah bayaran geran per kapita untuk Lain-Lain Perbelanjaan Berulang tahun (LPBT) kepada semua sekolah kerajaan, tidak kira sama ada SK/SRK, SRJK(C) atau SRJK(T). Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1, peruntukan mengikut kadar baru kepada sekolah rendah ini adalah merangkumi aspek Perpustakaan, Perdagangan, Sains Rumahtangga, Sains Pertanian, Seni Perusahaan dan LPBT seperti bil api, air, telefon, percetakan dan alatulis pejabat.² Peruntukan LPBT ini adalah berlandaskan bilangan murid sekolah sebagai kriterianya.

Mengikut prosedur yang diamalkan oleh Kementerian Pendidikan, pembayaran geran per kapita kepada sekolah-sekolah hanya dilakukan selepas

¹ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Keempat, Penggal Pertama Parlimen Ketujuh 12 Oktober Hingga 18 Disember 1987: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 38, hlm.40-41; Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh, 19 Jun Hingga 12 Julai 1989: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 43, hlm.49-50.

² Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Kelapan, 3 Disember 1990 Hingga 1 Mac 1991: Jawapan Soalan Mulut, Soalan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 47, hlm.51.

sekolah-sekolah berkenaan membuat permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri berkenaan. Seterusnya pihak Jabatan Pendidikan Negeri akan meneliti permohonan itu sebelum pembayaran dilakukan.³

Jadual 2.1: Kadar Per Kapita Sekolah Rendah (Lain-Lain Perbelanjaan Berulang Tahun/ LPBT)

BILANGAN MURID	KADAR LPBT (RM)
100 orang atau kurang	RM 1500
101-250 orang	RM 1500 + RM 15 seorang melebihi 100 orang
251-500 orang	RM 3750 + RM 14 seorang melebihi 250 orang
501-750 orang	RM 7250 + RM 12 seorang melebihi 500 orang
750-1000 orang	RM 10250 + RM 10 seorang melebihi 750 orang

Sumber: Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Kelapan 17 Jun 1991 Hingga 7 Ogos 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 48, hlm.273.

Tegasnya, Kementerian Pendidikan tidak membezakan pemberian bantuan kewangan bagi maksud pengurusan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan dengan sekolah-sekolah kebangsaan. Bantuan kewangan dalam bentuk geran per kapita adalah diberikan dengan kadar yang sama dan mengikut bilangan murid yang berdaftar di sekolah berkenaan sebagai kriterianya. Perangkaan Kementerian Pendidikan seperti dalam Jadual 2.2 menunjukkan peruntukan pengurusan telah

³ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Parlimen Kelapan 20 Jun 1992 Hingga 12 Ogos 1992: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 51, hlm.29-30.

bertambah daripada kira-kira RM 1034 juta pada tahun 1981 kepada RM 1885 juta pada tahun 1991 telah diberikan kepada semua sekolah rendah bantuan kerajaan, iaitu peningkatan kira-kira 82%. Jumlah peruntukan dalam tempoh tahun 1981-1991 telah mencapai RM 11,264 juta.

Jadual 2.2: Jumlah Peruntukan Kewangan Untuk Sekolah-Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan Bagi Perbelanjaan Pengurusan dan Pembangunan, 1981-1991

TAHUN	PERUNTUKAN PENGURUSAN (RM)	PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (RM)
1981	1,036,985,600	119,608,530
1982	1,108,740,900	222,564,120
1983	1,193,448,700	124,355,000
1984	1,253,586,500	138,412,000
1985	1,377,449,900	74,709,000
1986	1,435,427,500	125,940,000
1987	1,442,837,400	142,750,000
1988	1,434,770,500	161,782,180
1989	1,494,153,600	206,405,110
1990	1,601,797,500	201,774,000
1991	1,885,038,100	118,549,700
JUMLAH	11,264,236,200	1,636,849,640

Sumber: Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parlimen Kelapan 21 Oktober 1991 Hingga 31 Disember 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 49, hlm.222, Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Parlimen Kelapan 20 Jun 1992 Hingga 12 Ogos 1992: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 51, hlm.51.

Walau bagaimanapun, peruntukan pembangunan Kementerian Pendidikan adalah ditentukan oleh taraf hak milik tanah sekolah berkenaan. Berdasarkan status hak milik tanah, sekolah rendah bantuan kerajaan di negara ini dapat diklasifikasikan kepada dua kategori. Kategori pertama ialah **sekolah bantuan penuh**, yang hak tanah adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan. Kategori kedua ialah **sekolah bantuan modal** yang hak milik tanah sekolah adalah dipegang oleh orang perseorangan, persatuan, Lembaga Pengelola, pihak mubaligh, kerajaan negeri dan sebagainya.

Jadual 2.3: Bilangan Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan Di Malaysia Mengikut Jenis Bantuan

JENIS SEKOLAH	JENIS BANTUAN		JUMLAH
	PENUH	BANTUAN	
SK	3807	10	3817
SRK	925	315	1240
SRJK(C)	402	887	1289
SRJK(T)	150	391	541
SK (Khas)	25	1	26
JUMLAH	5309	1604	6913

Sumber: Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Kelapan 18 Oktober 1993 Hingga 30 Disember 1993: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 55, hlm.191.

Mengikut rekod Kementerian Pendidikan pada tahun 1993 (Jadual 2.3), terdapat 6913 buah sekolah rendah bantuan kerajaan di seluruh negara ini. Daripada jumlah itu, 76.8% atau 5309 buah adalah diklasifikasikan sebagai

sekolah bantuan penuh, iaitu 3807 buah SK, 925 buah SRK, 402 buah SRJK(C), 150 buah SRJK(T) dan 25 buah SK (Khas). Sementara sebanyak 1604 buah sekolah rendah adalah dikategorikan sebagai **sekolah bantuan modal**, iaitu 10 buah SK, 315 buah SRK, 887 buah SRJK(C), 391 buah SRJK(T) dan sebuah SK (Khas).

Berdasarkan klasifikasi tersebut, Kementerian Pendidikan bertanggungjawab untuk menyediakan peruntukan bagi menampung sepenuhnya kos pembangunan dan pembelian yang dibuat oleh sekolah-sekolah yang dikategorikan sebagai **sekolah bantuan penuh** milik kerajaan. Walau bagaimanapun, **sekolah bantuan modal** tidak dapat diberi bantuan pembangunan yang sepenuhnya kerana tapak sekolah tersebut bukan milik kerajaan.⁴ Ringkasnya, status sama ada **sekolah bantuan penuh** ataupun **sekolah bantuan modal** memang diambil kira tatkala Kementerian Pendidikan memutuskan untuk memberikan peruntukan pembangunan. Adalah tidak wajar bagi Kementerian Pendidikan memperuntukkan bantuan untuk membina sekolah atau membaik pulih bangunan sekolah atas tanah yang bukan dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan.

⁴ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Kelapan 18 Oktober 1993 Hingga 30 Disember 1993: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 55, hlm.192.

Kebanyakan SRJK(C) dan SRJK(T) yang memilih untuk mengekalkan kuasa autonomi dan identitinya, tentulah tidak mendapat bantuan kewangan yang sama rata seperti SK/SRK yang menjadi tanggungan penuh kerajaan. Ini telah menjadi pegangan rasmi Kementerian Pendidikan berlandaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, adalah tidak munasabah apabila Kementerian Pendidikan diminta supaya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap SRJK(C) dan SRJK(T) yang bertaraf **bantuan modal**. Oleh yang demikian, ternyata sekali tanggungjawab untuk mencari sumber kewangan bagi membangunkan serta membaikpulih keadaan 68.8% SRJK(C) yang dikategorikan sebagai **sekolah bantuan modal** adalah dipikul sepenuhnya oleh Lembaga Pengelola Sekolah.

Dalam hal ini, satu perkara perlu ditegaskan ialah peruntukan pembangunan bagi SRJK(C) dan SRJK(T) yang digolongkan sebagai **sekolah bantuan penuh** tidak berbeza dengan peruntukan yang diberikan kepada SRK/SK. Hanya SRJK(C) dan SRJK(T) yang tergolong sebagai **sekolah bantuan modal** sahaja menerima peruntukan yang tidak sama. Pada kebiasaannya, peruntukan pembangunan adalah diagih-agihkan kepada negeri-negeri mengikut keperluan bagi setiap negeri. Projek-projek yang dilaksanakan termasuklah bagi projek-projek baru, tambahan dan projek gantian.

Kementerian Pendidikan tidak menetapkan jumlah geran modal untuk pembaikan dan penyelenggaraan bangunan-bangunan sekolah. Berdasarkan “*Grant Code Regulations 1956*”, ada dua cara untuk mendapatkan peruntukan

bagi tujuan tersebut, iaitu pembaikan kecil dengan menggunakan akaun semasa dan akaun bantuan modal yang melibatkan semua pembaikan yang lebih besar.⁵

Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian yang berat untuk mempertingkatkan taraf **sekolah bantuan modal** tanpa mengira aliran sekolah, termasuk juga SRJK(C) dan SRJK(T). Dalam tempoh tahun 1981-1992 (Jadual 2.2), Kementerian Pendidikan telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM 1,636.8 juta untuk tujuan tersebut. Malahan untuk memudahkan prosedur pemberian peruntukan bantuan modal atau pembangunan kepada sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan telah membuat perubahan untuk memudahkan peruntukan bantuan modal dalam bentuk cek terus kepada sekolah berkenaan dan bukan lagi dalam bentuk Sijil Akuan Janji. Dengan cara ini sekolah tidak perlu menunggu lama untuk melaksanakan projek-projek yang dipohon.⁶

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan manafikkan bahawa kerajaan mengamalkan dasar membeza-bezakan di antara berbagai jenis sekolah dalam

⁵ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga Parlimen Kelapan 27 April 1992 Hingga 4 Jun 1992; Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 50, hlm.29.

⁶ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua Parlimen Ketujuh, 10 Oktober Hingga 16 Disember 1988; Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 41, hlm.165-166.

memberi peruntukan bagi pembangunan tersebut.⁷ Timbalan Menterinya, Dr. Leo Michael Toyad telah terus terang menolak dakwaan bahawa Kementerian Pendidikan mengamalkan pilih kasih di dalam pengagihan peruntukan pembangunan kepada sekolah rendah. Beliau menekankan bahawa pengagihan bukanlah dibuat mengikut aliran sekolah, sebaliknya berdasarkan keperluan di sekolah berkenaan.⁸ Akan tetapi memandangkan peruntukan pembangunan adalah terhad, Kementerian Pendidikan terpaksa mengagihkan peruntukan yang telah diluluskan hanya untuk projek-projek yang penting dan mendesak sahaja. Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim sendiri mengakui bahawa peruntukan di bawah bantuan modal memang tidak banyak dan terpaksalah diagih-agihkan mengikut keadaan dan keperluan serta keutamaan.⁹

Walau bagaimanapun, memang diakui bahawa dasar Kementerian Pendidikan adalah memberi keutamaan peruntukan pembangunan kepada SK/SRK yang kebanyakannya digolongkan sebagai **sekolah bantuan penuh**. Dalam hal ini, Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim sering mengingatkan masyarakat Malaysia bahawa peruntukan pembangunan memang tidak dapat disamakan antara SK/SRK dengan SRJK. Beliau menekankan bahawa

⁷ Urus Setia Hal Ehwal Parliment, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parliment Kelapan 21 Oktober 1991 Hingga 31 Disember 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parliment, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 49, hlm.58.

⁸ Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.96, 26 November 1987, hlm.1.

⁹ Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil.53, 22 November 1988, hlm.121.

pertimbangan utama Kementerian Pendidikan adalah memberikan tumpuan sepenuhnya kepada SK/SRK.¹⁰

Jadual 2.4 Peruntukan Pembangunan Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah-Sekolah Rendah Di Semenanjung Malaysia, 1971-1978

Tahun	SK/SRK (RM)	SRJK(C) (RM)	SRJK(T) (RM)	Jumlah (RM)
1971	2,401,156	-	-	2,401,156
1972	15,833,276	578,400	243,400	16,655,076
1973	24,856,230	746,500	139,450	25,742,180
1974	36,947,345	1,016,300	420,000	38,383,645
1975	28,790,308	2,309,900	1,569,000	32,669,208
1976	37,015,313	5,212,600	518,200	42,746,113
1977	30,427,850	1,892,800	880,600	33,201,250
1978	63,248,005	6,340,880	2,122,010	71,710,895
Jumlah	239,519,483 (91.0%)	18,097,380 (7.0%)	5,892,660 (2.0%)	263,509,523 (100%)

Sumber: Loh Kok Wah, "The Socio-Economic Basis of Ethnic Consciousness: The Chinese in the 1970s", dalam Syed Husin Ali (pnyt), Kaum, Kelas dan Pembangunan Malaysia, Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur, 1984, hlm.109.

Daripada analisis yang telah dibuat berhubung dengan perangkaan peruntukan pembangunan (Jadual 2.4), maka didapati bahawa SK/SRK yang bertaraf sama ada **sekolah bantuan penuh** mahupun **sekolah bantuan modal** menerima peruntukan pembangunan yang paling banyak sekali. Misalnya, 91.0% daripada peruntukan pembangunan dalam tempoh tahun 1971-1978 adalah

¹⁰ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.7, 15 Oktober 1986, hlm.887.

diberikan kepada SK/SRK, berbanding dengan hanya 7.0% diperuntukkan kepada SRJK(C) dan 2.0% kepada SRJK(T). Peruntukan yang begitu banyak diberikan kepada SK/SRK jika dibandingkan dengan SRJK(C) dan SRJK(T) boleh difahami dengan lebih mendalam jika kita menghayati komitmen dan tanggungjawab Kementerian Pendidikan dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan. Adalah menjadi tanggunjawab penuh Kementerian Pendidikan ke atas sekolah-sekolah kebangsaan yang dapat memenuhi keperluan masyarakat berbilang kaum dan mempunyai hala tuju ke arah perpaduan kaum.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan masih sentiasa mengambil berat apa sahaja masalah pembangunan yang dihadapi oleh semua jenis sekolah di negara ini dan seterusnya cuba memberi bantuan sedaya upaya yang boleh. Kementerian Pendidikan sedar bahawa kebanyakan SRJK(C) dan SRJK(T) adalah di dalam keadaan yang kurang memuaskan dari segi kemudahan fizikal. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan sentiasa menyediakan peruntukan kepada sekolah-sekolah termasuklah SRJK(C) dan SRJK(T) dengan tujuan untuk memperbaiki dan memperlengkapkan sekolah-sekolah berkenaan.

Akan tetapi bagi perkara-perkara yang bersangkutan dengan soal kewangan, Kementerian Pendidikan tidak dapat membantunya secara serta merta dan sekali gus. Ini kerana bantuan kewangan adalah bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan pada satu-satu masa itu. Memandangkan peruntukan adalah terhad, keutamaan hanya akan diberi kepada sekolah-sekolah

yang dalam keadaan mendesak sahaja. Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri untuk mengenal pasti sekolah yang berkeadaan mendesak dan peruntukan akan diagihkan mengikut keutamaan.¹¹

Ringkasnya, Kementerian Pendidikan tidak mengabaikan SRJK(C) serta SRJK(T) **bantuan penuh** dan **bantuan modal** dalam pemberian bantuan pembangunan. Misalnya, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), kira-kira RM 47 juta telah digunakan untuk membina, menyediakan kemudahan tambahan dan memperbaiki keadaan bangunan-bangunan SRJK(C) di seluruh negara. Daripada jumlah peruntukan itu, RM 38 juta adalah diperuntukkan kepada SRJK(C) **bantuan penuh** dan RM 8.7 juta bagi SRJK(C) **bantuan modal**.¹² Peruntukan pembangunan kepada SRJK(T) pula ialah RM2.2 juta dalam tempoh yang sama.¹³

¹¹ Urus Setia Hal Ehwal Parliment, Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parliment Ketujuh 16 Oktober Hingga 29 Disember 1989: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parliment, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 44, hlm.2.

¹² Urus Setia Hal Ehwal Parliment, Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parliment Kelapan, 3 Disember 1990 Hingga 1 Mac 1991: Jawapan Soalan Mulut, Soalan Bertulis serta Ucapan Di Parliment, hlm.203-204.

¹³ Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Kelapan, Parliment Pertama, Jilid I, Bil.104, 18 Disember 1991, hlm.33.

Pada tahun 1991, Kementerian Pendidikan memperuntukkan sejumlah RM1.3 juta untuk SRJK(T) dan RM1.7 juta untuk SRJK(C).¹⁴ Dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), sejumlah RM 47 juta telah digunakan untuk membina, menyediakan kemudahan tambahan dan memperbaiki keadaan bangunan SRJK(C) di seluruh negara. Daripada jumlah peruntukan tersebut, RM 38 juta telah digunakan untuk SRJK(C) **bantuan penuh** dan RM 8.7 juta bagi SRJK(C) **bantuan modal**.¹⁵

Perangkaan-perangkaan ini jelas menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan memang ada memberi peruntukan pembangunan kepada SRJK(C) dan SRJK(T) khususnya yang bertaraf **bantuan modal**. Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, pembinaan projek-projek bagi SRJK(C) dan SRJK(T) hanya melibatkan projek-projek gantian dan tambahan di sekolah-sekolah yang sedia ada. Tegasnya, adalah tidak adil kalau ada pihak yang mengatakan wang tidak diperuntukkan bagi membangunkan SRJK(C) dan SRJK(T).

Meskipun demikian, Dong Jiao Zong rasa tidak puas hati terhadap peruntukan pembangunan yang diterima oleh SRJK(C) dan SRJK(T) adalah amat tidak mencukupi. Dalam hal ini, Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Hon Choon Kim mengakui bahawa peruntukan yang diberikan memang tidak cukup untuk

¹⁴ Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.82, 11 November 1991, hlm.32; Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.99, 11 Disember 1991, hlm.37.

¹⁵ Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.19, 9 Januari 1991, hlm. 91.

memenuhi segala kehendak dari **sekolah bantuan modal** ini.¹⁶ Hakikat ini juga dipersetujui oleh Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim. Katanya, Kementerian Pendidikan mempunyai peruntukan kewangan yang terhad, sedangkan komitmen Kementerian Pendidikan terhadap SK/SRK yang sama keadaannya pun tidak dapat disempurnakan.¹⁷

Pemimpin Dong Jiao Zong menganggap klasifikasi sekolah-skeolah rendah kepada **bantuan penuh** dan **bantuan modal** adalah suatu dasar yang tidak wajar dan adil. Mereka mendesak Kementerian Pendidikan menarik balik dasar klasifikasi **sekolah bantuan penuh** dan **sekolah bantuan modal** dan digantikan dengan polisi layanan yang sama terhadap semua sekolah tanpa mengambil kira hak milik tanahnya.¹⁸ Ironinya ialah Dong Jiao Zong dan Lembaga Pengelola SRJK(C) **bantuan modal** menuntut layanan yang sama dengan sekolah **bantuan penuh** milik kerajaan, di samping ingin mengekalkan kuasa autonominya ke atas sekolah, terutamanya ke atas hak milik tanah.

¹⁶ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesepuluh, Penggal Kedua, Mesyuarat Pertama, Jilid II, Bil.34, 17 April 2000, hlm. 41.

¹⁷ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Kelapan, 3 Disember 1990 Hingga 1 Mac 1991: Jawapan Soalan Mulut, Soalan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.66.

¹⁸ Fail GPGSCM/Huaxiao Bokuan[Peruntukan Kewangan SRJK(C)], Surat dari Tong Lee Poh, Setiausaha Agung GPGSCM, kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia, 20 Jun 1977, GPGSCM, Kuala Lumpur; Memorandum Bersama kepada Kementerian Pelajaran oleh 11 Pertubuhan Cina Utama di Malaysia Tentang Isu-Isu Pendidikan yang Penting dalam Negara Kita, PPLPSCM, GPGSCM, DPCS, Persekutuan Persatuan-Persatuan Siswazah-Siswazah Universiti Taiwan Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia, Nanyang University Alumni Association of Malaya, Persekutuan Persatuan-Persatuan Kwang Tung Malaysia, Dewan Perniagaan Cina Kuala Lumpur & Selangor, Persekutuan Kheng Chew Hwee Kuan Malaysia, Persatuan Penulis Aliran Cina Malaysia, dan Persatuan Penggarang-Penggarang Malaysia, 18 Ogos 1985.

Tuntutan mereka mendapat sokongan daripada ahli Parlimen MCA bagi kawasan Gelang Patah, Chang See Ten. Beliau berpendapat bahawa adalah wajar sekali penjenisan status **sekolah bantuan penuh** dan **sekolah bantuan modal** dimansuhkan tanpa sebarang syarat demi kepentingan pendidikan.¹⁹ Ahli Parlimen MCA bagi kawasan Seremban, iaitu Hon Choon Kim juga menyarankan agar status **sekolah bantuan modal** ditukar kepada **sekolah bantuan penuh** supaya bantuan penuh dapat disalurkan.²⁰ Selain itu, Majlis Bertindak Kebangsaan Bagi Sekolah-Sekolah Tamil turut mencadangkan Kementerian Pendidikan menukar status SRJK(T) **bantuan modal** kepada **bantuan penuh**. Penaungnya, Datuk Seri S. Samy Vellu, Presiden MIC, menekankan pertukaran status itu membolehkan SRJK(T) di seluruh negara menerima lebih banyak bantuan kerajaan.²¹ Bagaimanapun, mereka langsung tidak menyentuh soal kuasa autonomi sekolah selepas pertukaran status quo **sekolah bantuan modal** kepada **sekolah bantuan penuh**.

Walau bagaimanapun, tidak wujud satu peruntukan undang-undang yang membolehkan **sekolah bantuan modal** ditukarkan statusnya menjadi **sekolah bantuan penuh** milik kerajaan. Menurut Kementerian Pendidikan, **sekolah bantuan modal** akan terus wujud selama tapak-tapak sekolah masih bukan

¹⁹ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesepuluh, Penggal Kedua, Mesyuarat Pertama, Jilid II, Bil.33, 13 April 2000, hlm.40.

²⁰ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Kedua, Mesyuarat Ketiga, Jilid II, Bil.70, 27 November 1996, hlm.207.

²¹ Berita Harian, 13 Mac 2001.

dimiliki oleh kerajaan.²² Justeru itu, Kementerian Pendidikan telah menolak sebarang cadangan untuk menukarkan taraf **sekolah bantuan modal** ke taraf sekolah yang dimiliki penuh oleh kerajaan.²³ Berdasarkan hakikat ini, Yap Pian Hon, ahli Parlimen kawasan Serdang meminta kerajaan mengkaji semula peraturan tersebut di Parlimen supaya peruntukan sepenuhnya dapat disalurkan kepada semua sekolah rendah.²⁴

Selain itu, terdapat juga ahli-ahli Dewan Negara seperti Dato' V.K.K. Teagarajau, Jaya Pantiban dan N. Marimuthu yang menyarankan Kementerian Pendidikan supaya mengambil alih hak milik tanah **sekolah bantuan modal**, termasuklah SRJK(T). Namun demikian, Kementerian Pendidikan dengan jelas tidak mempunyai kuasa perundangan untuk berbuat demikian. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. Fong Chan Onn, Timbalan Menteri Pendidikan bahawa kementeriannya tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil alih sebuah **sekolah bantuan modal** memandangkan status tapak dan bangunan sekolah bukan milik kerajaan. Menurutnya, sekiranya pihak pemilik tanah secara sukarela

²² Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen; Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid 1, Bil.19, 9 Januari 1991, hlm.95.

²³ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Ketujuh, 7 Mac Hingga 6 April 1988: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 39, hlm.65.

²⁴ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen; Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Ketiga, Mesyuarat Ketiga, Jilid III, Bil.67, 18 November 1997, hlm.81.

menyerahkan tapak sekolah tersebut kepada kerajaan, maka bantuan penuh seperti yang diberikan kepada SK/SRK boleh disalurkan.²⁵

Bagi mencapai matlamat memperbanyakkan peruntukan pembangunan kepada SRJK(C) terutamanya **sekolah bantuan modal**, Dong Jiao Zong di bawah pimpinan Lim Fong Seng dan Sim Mow Yu, telah mencadangkan supaya peruntukan pembangunan dibuat dengan berdasarkan prinsip bilangan murid di sekolah, dan bukannya hak milik tapak sekolah berkenaan.²⁶ Selain itu, Dong Jiao Zong juga menyarankan supaya Kementerian Pendidikan memberi peruntukan secara seringgit ke seringgit kepada **sekolah bantuan modal**.²⁷

Dalam hal ini, Timbalan Menteri Pendidikan Woon See Chin pernah memberi komen di Parlimen bahawa adalah menjadi dasar kerajaan untuk memberi peruntukan tidak lebih daripada 50% perbelanjaan keseluruhan bagi pembangunan sekolah rendah yang tanahnya bukan milik kerajaan.²⁸ Akan tetapi, Kementerian Pendidikan kemudiannya menolak tuntutan tersebut. Alasannya ialah Kementerian Pendidikan tidak pernah mempunyai suatu dasar rasmi untuk

²⁵ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Negara, Parlimen Kesembilan, Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama, Jilid V, Bil.10, 18 Mei 1999, hlm.140.

²⁶ Fail GPGSCM/Huaxiao[SRJK(C)], Surat dari Lim Fong Seng, Pengurus PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada En. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia, 19 Januari 1987, GPGSCM, Kuala Lumpur; Kenyataan Akhbar Dong Jiao Zong, 15 Februari 1993.

²⁷ Fail GPGSCM/Huaxiao Bokuan[Peruntukan Kewangan SRJK(C)], Surat dari Lim Fong Seng, Pengurus PPLPSCM dan Sim Mow Yu, Pengurus GPGSCM, kepada En. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia , 4 Mac 1987, GPGSCM, Kuala Lumpur.

²⁸ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.63, 9 Julai 1987, hlm.25.

memberi peruntukan secara seringgit ke seringgit kepada **sekolah bantuan modal** bagi pembiayaan pembinaan bangunan dan juga pembelian kelengkapan.²⁹

Daripada analisis yang dibuat berhubung dengan peruntukan, jelas membuktikan bahawa dakwaan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan tentang diskriminasi kerajaan adalah tidak berasas sama sekali. Kementerian Pendidikan tidak membezakan di antara SRJK (C) dan SRJK(T) dengan SK atau SRK dalam pemberian peruntukan pengurusan. Dari segi peruntukan pembangunan pula, memang wujud polisi yang berbeza kerana status sekolah yang berbeza. Keutamaan pengagihan kerajaan adalah diberi kepada SK/SRK yang menjadi tanggungjawab sepenuhnya Kementerian Pendidikan. Akan tetapi geran modal atau capital grant bantuan penuh tidak dapat diberikan kerana tapak **sekolah bantuan modal** tidak dimiliki oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Namun demikian, Kementerian Pendidikan tetap mengambil berat dan memberi perhatian ke atas keadaan bangunan **sekolah bantuan modal** di negara ini tanpa mengira jenis aliran sekolah.

Walau bagaimanapun, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan menuntut bantuan penuh yang sama rata seperti SK/SRK, di samping bertegas untuk mempertahankan kuasa autonomi dan status quo SRJK(C), termasuk hak milik tanah. Pendirian itu amat bertentangan dengan dasar pendidikan rasmi Kementerian Pendidikan.

²⁹ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parliment Kelapan 21 Oktober 1991 Hingga 31 Disember 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parliment, hlm.199.

Pembangunan Sekolah

SRJK(C) dianggap sebagai “*last bastion*” untuk mempertahankan kebudayaan mereka. Justeru itu, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terlalu bimbang terhadap pengurangan jumlah SRJK(C) akhirnya membawa kepada kepupusan kebudayaan masyarakat Cina. Mereka mendakwa bahawa SRJK(C) di negara ini sering menghadapi pelbagai halangan berhubung dengan pembinaan sekolah baru, pemberian dan pembinaan semula bangunan sekolah yang uzur dan usang serta perpindahan sekolah kecil.

Pergerakan pendidikan Cina yang dipimpin oleh Dong Jiao Zong merasa amat kecewa dengan perkembangan SRJK(C) yang kurang menggalakkan di negara ini. Dari segi angka, bilangan murid SRJK(C) telah meningkat daripada 560,985 orang pada tahun 1976 kepada 598,317 orang pada tahun 1995, iaitu pertambahan sebanyak 6.7%. Namun bilangan SRJK(C) bukan sahaja tidak bertambah, malah berkurangan sebanyak 30 buah, iaitu daripada 1318 kepada 1288 dalam tempoh masa yang sama.³⁰

Masalah SRJK(C) tersebut bertambah serius dan genting akibat daripada pembangunan negara yang pesat. Ini telah mengakibatkan penduduk luar bandar

³⁰ The Educational Planning and Research Division, Educational Statistics of Malaysia, 1976-1979, The Ministry of Education Malaysia, Jabatan Percetakan Negara, Kuala Lumpur, 1982, hlm.7, 19, 97-99, 106-107; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Perangkaan Pendidikan Di Malaysia 1995, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997, Jadual 1.5, hlm.27, Jadual 2.1, hlm.85.

khususnya pemuda-pemudi berhijrah beramai-ramai ke bandar untuk mencari rezeki. Penghijrahan ini telah menyebabkan penduduk di bandar bertambah dengan cepat, sebaliknya penduduk luar bandar semakin berkurangan. Keadaan ini membawa kepada pertambahan besar bilangan murid-murid SRJK(C) di bandar terutamanya di kawasan perumahan baharu.

Bagi mengatasi kekurangan bilik darjah dan sekolah bagi menampung bilangan murid yang semakin bertambah ini, Dong Jiao Zong tidak putus-putus mendesak Kementerian Pendidikan mengambil langkah yang liberal untuk membina lebih banyak SRJK(C) di kawasan-kawasan yang padatnya penduduk dan kawasan perumahan yang baharu.³¹ Dalam hal ini, Dong Jiao Zong memohon agar cadangan penubuhan SRJK(C) yang baharu khasnya di kawasan penduduk kaum Cina yang padat dimasukkan ke dalam dokumen projek Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, termasuk Rancangan Malaysia atau rancangan lain yang berkaitan dengan pendidikan.³² Akan tetapi, permohonan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan untuk menubuhkan SRJK(C) amat sukar mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Pendidikan. Pengurusi PPLPSCM, Quek Suan Hiang dengan nada lantang memprotes bahawa “*we have made applications to build more schools, but all have been rejected*”³³

³¹ Fail GPGSCM/Huaxiao[SRJK(C)], Surat dari Tong Lee Poh, Setiausaha Agung GPGSCM, kepada Dr. Tan Tiong Hong, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, 15 Disember 1982, GPGSCM, Kuala Lumpur.

³² Memorandum Memperkembangkan Sekolah Cina, Berusaha Ke Arah Wawasan 2020, PPLPSCM dan GPGSCM, Kuala Lumpur, 1995, hlm.8.

³³ Asiaweek, Vol. 20, No. 36, 7 September 1994, hlm.42.

Pada amnya, memang bukan menjadi dasar Kementerian Pendidikan untuk membezakan di antara SK dengan SRJK dalam rancangan pembinaan sekolah-sekolah baru di negara ini. Dalam hal ini, Timbalan Menteri Pendidikan Woon See Chin menafikan dakwaan bahawa kerajaan mengamalkan prinsip perbezaan syarat bagi penubuhan sekolah di antara SK/SRK dengan SRJK.³⁴ Sebaliknya pembinaan sekolah-sekolah adalah berdasarkan kepada keperluan masyarakat setempat. Pembinaannya adalah dirancang mengikut program dalam Rancangan Malaysia bagi setiap lima tahun dan pengagihan peruntukan tersebut dibuat mengikut keperluan setiap negeri dan tidak berasaskan kriteria aliran sekolah.³⁵

Mengikut prosedur Kementerian Pendidikan, keputusan untuk membina sekolah baru dicapai setelah mengambil kira beberapa syarat penting, antaranya ialah tidak terdapat sekolah di kawasan yang berkenaan dan kawasan-kawasan yang berhampiran, sekolah-sekolah yang wujud boleh menampung pertambahan murid di kawasan tersebut, tidak ada rancangan untuk menambah bangunan atau bilik darjah di sekolah-sekolah yang wujud di kawasan yang berkenaan, serta adanya peruntukan kewangan untuk projek berkenaan.³⁶

³⁴ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.63, 9 Julai 1987, hlm.24.

³⁵ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.9, 17 Disember 1990, hlm.1-2.

³⁶ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.100, 2 Disember 1987, hlm.18.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Akta Pelajaran 1961 memperuntukkan bahawa kanak-kanak dididik mengikut kehendak ibu bapa dan Menteri Pendidikan adalah bertanggungjawab untuk mendirikan dan menyelenggarakan semua jenis sekolah rendah. Sungguhpun terdapat peruntukan berkenaan dalam Akta Pelajaran 1961, tetapi dinyatakan juga dalam Akta itu bahawa pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kehendak dasar serta dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan.

Sungguhpun demikian, pembinaan sekolah baru juga harus selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, iaitu menyediakan peluang-peluang pembelajaran kepada rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, di samping melahirkan satu masyarakat yang bersatu padu menerusi satu aliran sekolah kebangsaan. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Datuk Hon Choon Kim, Timbalan Menteri Pendidikan bahawa “dalam konteks pembinaan sekolah-sekolah baru, Kementerian Pendidikan lebih mengutamakan pembinaan sekolah yang dapat memenuhi kehendak semua kaum iaitu sekolah kebangsaan untuk mencapai aspirasi perpaduan nasional”.³⁷

Tegasnya dari perspektif Dasar Pendidikan Kebangsaan, keutamaan Kementerian Pendidikan dalam pembinaan sekolah baru adalah diberikan kepada penubuhan sekolah kebangsaan yang dapat memenuhi keperluan masyarakat

³⁷ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesepuluh, Penggal Ketiga, Mesyuarat Kedua, Jilid III, Bil.31, 19 Julai 2001, hlm.126.

berbilang kaum dan mempunyai hala tuju ke arah perpaduan nasional. Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil kira peruntukan ini selain daripada adanya kesesuaian tapak, kemampuan perbelanjaan dan keperluan menyeluruh penduduk tempatan bila merancang untuk membina sekolah-sekolah baru. Walau bagaimanapun, sesuai dengan amalan demokrasi negara ini, Kementerian Pendidikan membenarkan pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan yang memenuhi syarat-syarat di tapak-tapak yang lain dengan perbelanjaan sendiri.³⁸

Walau bagaimanapun, ibu bapa keturunan Cina yang ingin menghantar anak-anak mereka ke SRJK(C) biasanya mendapati ketiadaan SRJK(C) di kawasan perumahan baru mereka. Bagi projek perumahan baharu, Kementerian Pendidikan memang telah mengeluarkan garis panduan agar bagi setiap 1250 unit rumah, pihak pemaju dikehendaki menyediakan tapak seluas enam ekar bagi pembinaan sekolah rendah. Bagi perumahan baru yang mempunyai 2500 unit rumah pula, pihak pemaju dikehendaki menyedia dan menyerahkan tapak bagi pembinaan sebuah sekolah menengah dan dua buah sekolah rendah.³⁹

Mengikut dasar rasmi Kementerian Pendidikan, tapak pembinaan sekolah baisanya adalah disenaraikan sebagai tanah rizab sekolah kebangsaan. Menurut

³⁸ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Keempat, Penggal Pertama Parlimen Ketujuh 12 Oktober Hingga 18 Disember 1987: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, hlm. 187.

³⁹ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Ketiga, Mesyuarat Pertama, Jilid III, Bil.9, 8 April 1997, hlm. 57.

Datuk Ong Ka Ting, pemimpin MCA, dasar itu adalah ditetapkan oleh Menteri Pendidikan En. Anwar Ibrahim. Arahan telah dikeluarkan kepada Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri supaya tanah yang disediakan untuk pembinaan sekolah di kawasan-kawasan perumahan baru tidak boleh digunakan untuk membina SRJK(C).⁴⁰

Dong Jiao Zong dan Hua Tuan merasa amat kecewa kerana di kawasan-kawasan perumahan baharu itu biasanya sudahpun terdapat SK/SRK yang mencukupi atau berlebihan.⁴¹ Justeru itu, kerajaan digesa untuk mengagihkan tanah kosong di kawasan perumahan baru kepada berbagai jenis sekolah secara adil dan munasabah mengikut nisbah pertumbuhan penduduk. Sekiranya tuntutan tersebut diterima, ia ternyata telah membelakangkan tanggungjawab dan komitmen penuh kerajaan terhadap SK/SRK yang menjadi aliran utama dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Kementerian Pendidikan memang mengutamakan pembinaan SK/SRK bagi memenuhi aspirasi perpaduan nasional. Sejak tahun 1960, sebanyak 1722 buah SK/SRK baharu telah dibina di seluruh negara bagi menampung keperluan berbilang kaum. Namun ini tidak bermakna Kementerian Pendidikan mengabaikan kepentingan dan keperluan SRJK(C) dan SRJK(T). Sikap terbuka dan toleransi kerajaan dalam hal ini dapat dilihat dengan pertambahan jumlah

⁴⁰ Sin Chew Jit Poh, 30 Oktober 1999.

⁴¹ Jawatankuasa Hak Asasi Rakyat Pertubuhan-Pertubuhan Cina Malaysia, Berlaku Adil Terhadap Sekolah Pelbagai Pengantar Bahasa Berbagai Kaum, Kuala Lumpur, 28 Februari 1986.

SRJK yang baharu. Analisis perangkaan dalam Jadual 2.5 menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan telah meluluskan pembinaan sebanyak 69 buah SRJK(C) dan 17 buah SRJK(T) yang baru sejak tahun 1960

Jadual 2.5: Bilangan Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan Yang Dibuka Sejak Tahun 1960

NEGERI	SRJK(C)	SRJK(T)	SK/SRK	JUMLAH
Perlis	-	-	7	7
Kedah	5	8	83	96
Pulau Pinang	1	-	9	10
Perak	32	9	59	100
Selangor	1	-	36	37
Wilayah Persekutuan	4	-	50	54
Negeri Sembilan	1	-	14	15
Melaka	-	-	11	11
Johor	-	-	61	61
Pahang	3	-	37	40
Terengganu	1	-	122	123
Kelantan	-	-	29	29
Sabah	12	-	657	669
Sarawak	9	-	547	556
JUMLAH	69	17	1722	1808

Sumber: Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Keempat, Penggal Pertama Parlimen Ketujuh 12 Oktober Hingga 18 Disember 1987: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jilid 38, hlm.212-213.

Sementara dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (1985-1990) sahaja, Kementerian Pendidikan telah membina sebanyak 185 buah sekolah rendah pelbagai aliran dan 2640 buah bilik darjah di seluruh negara yang

melibatkan peruntukan berjumlah RM 165.1 juta. Dari pada jumlah tersebut, 180 buah sekolah adalah SRK dan 5 buah SRJK.⁴²

Secara perbandingan dengan SRJK(C) di bandar dan kawasan perumahan baharu yang menghadapi pertambahan bilangan murid yang mendadak, SRJK(C) di kampung atau kawasan luar bandar sebaliknya mempunyai bilangan murid yang amat kecil sehingga terpaksa ditutup. Mengikut Bab 1 Interpretasi Sekolah Akta Pelajaran 1961, bilangan minimum murid sebuah sekolah ialah 10 orang.⁴³ Ini bermakna sesebuah sekolah tidak lagi dianggap sebagai sekolah sekiranya bilangan murid kurang dari 10 orang. Pada lazimnya semua sekolah kecil tanpa mengira aliran bahasa pengantar akan tertutup dengan sendirinya dan murid-murid akan dipindahkan ke sekolah-sekolah yang berdekatan.

Menurut rekod Kementerian Pendidikan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.6, sebanyak 82 buah SRJK(T) dan 50 buah SRJK(C) telah tertutup sejak tahun 1960.⁴⁴ Dari segi pecahan negeri, Johor mencatatkan terbanyak sekali

⁴² Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Parlimen Ketujuh, 27 Jun Hingga 15 Julai 1988: Jawapan Soalan Mulut, Soalan Bertulis serta Ucapan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 40, hlm.92.

⁴³ Federation of Malaya, The Education Act 1961, Bab 1, hlm.10.

⁴⁴ Di antara SRJK(C) yang ditutup dalam tempoh tahun-tahun 1980-an termasuklah SRJK(C) Ladang Kelan, Johor, SRJK(C) Ladang Tong Hing, Johor, SRJK(C) Ladang Lambak, Johor, SRJK(C) Ladang Lih Seng, Pahang, SRJK(C) Kolek, Pahang, SRJK(C) Tsin Hua, Perak, SRJK(C) Tung Sing Kolapis, Sabah, SRJK(C) Siang Yu Tagas-Tagas, Sabah, SRJK(C) Yuk Mong, Sabah, SRJK(C) Min Sin, Terengganu, SRJK(C) Puay Chai, Wilayah Persekutuan. Lihat Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Kelapan 17 Jun 1991 Hingga 7 Ogos 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 48, hlm.292.

sekolah yang tertutup, iaitu 53 buah, dan dikuti oleh Perak sebanyak 23 buah. Tambahan lagi, perangkaan Kementerian Pendidikan tahun 1991 juga menunjukkan bahawa bilangan SRJK(C) dan SRJK(T) yang berada di pinggiran penutupan dengan hanya mempunyai bilangan murid di antara 15-20 orang ialah 19 buah SRJK(C) dan 6 buah SRJK(T).⁴⁵

Jadual 2.6: Bilangan SRJK(C) dan SRJK(T) Yang Ditutup Sejak Tahun 1960

NEGERI	SRJK(C)	SRJK(T)	JUMLAH
Perlis	-	-	-
Kedah	-	7	7
Pulau Pinang	-	1	1
Perak	1	22	23
Selangor	-	7	7
Wilayah Persekutuan	5	-	5
Negeri Sembilan	2	2	4
Melaka	-	-	-
Johor	13	40	53
Pahang	5	1	6
Terengganu	2	1	3
Kelantan	-	-	-
Sabah	5	-	5
Sarawak	17	-	17
JUMLAH	50	82	132

Sumber: Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Keempat, Penggal Pertama Parlimen Ketujuh 12 Oktober Hingga 18 Disember 1987: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 38, hlm.196-197.

⁴⁵ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Kelapan 18 Oktober 1993 Hingga 30 Disember 1993: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.285.

Secara umumnya, kebanyakannya SRJK(C) dan SRJK(T) yang ditutup sejak tahun 1960 ini adalah terdiri daripada sekolah yang mempunyai jumlah murid yang amat kecil. Penutupan sekolah-sekolah berkenaan adalah disebabkan oleh tiga faktor utama, iaitu pemecahan atau fragmentasi ladang-ladang, pemindahan ibu bapa ke kawasan-kawasan lain untuk mencari pekerjaan yang lebih baik, dan pencantuman sekolah dengan tujuan untuk memberi kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik kepada murid-murid yang terlibat.⁴⁶ Selain itu, terdapat juga kes-kes sekolah terpaksa ditutup kerana tapak sekolah diambil balik oleh tuan tanah.⁴⁷

Bagi mengelakkan sekolah-sekolah berkenaan ditutup, pihak sekolah sama ada guru besar, guru-guru, Persatuan Ibu Bapa & Guru serta Lembaga Pengelola Sekolah sepatutnya memainkan peranan masing-masing untuk menggalakkan ibu bapa mendaftarkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah kekurangan murid. Sekiranya kekurangan murid terus berlaku sehingga bilangan muridnya terlalu kecil dan tidak ekonomi dikekalkan sebagai sebuah sekolah, maka Kementerian Pendidikan tidak mempunyai pilihan melainkan menutup sekolah berkenaan dan murid-murid yang terlibat akan dipindahkan ke sekolah yang berhampiran.⁴⁸

⁴⁶ Urus Setia Hal Ehwal Parliment, Mesyuarat Keempat, Penggal Pertama Parliment Ketujuh 12 Oktober Hingga 18 Disember 1987: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, hlm.196-197.

⁴⁷ Urus Setia Hal Ehwal Parliment, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parliment Kelapan 17 Jun 1991 Hingga 7 Ogos 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parliment, hlm.285.

⁴⁸ Urus Setia Hal Ehwal Parliment, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parliment Kelapan 21 Oktober 1991 Hingga 31 Disember 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parliment, hlm.225.

Selain itu, Kementerian Pendidikan juga mempunyai rancangan untuk menggabungkan sekolah-sekolah kurang murid terutamanya di luar bandar untuk meningkatkan kos-faedah pengurusan sekolah-sekolah tersebut. Ini adalah selaras dengan cadangan Laporan Jawatankuasa Kabinet⁴⁹ serta Sasaran Kerja Utama Kementerian Pendidikan⁵⁰ agar usaha untuk menyatukan sekolah-sekolah kecil hendaklah dilakukan. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan telah memberi penerangan lanjut seperti berikut:

“Pencantuman atau penutupan sekolah-sekolah kecil dibuat setelah menerima pendapat-pendapat daripada PIBG sekolah berkenaan di samping mengambilkira juga masalah yang akan dihadapi oleh murid-murid dan ibu bapa yang terlibat. Kementerian Pendidikan tidak akan melancarkan sesuatu projek seperti mencantumkan sekolah-sekolah kecil secara terburu-buru seperti yang dibangkitkan. Kementerian Pendidikan percaya dan yakin dengan rancangan ini kemudahan asas yang lebih baik seperti kemudahan fizikal yang cukup dan kadar perkiraan guru yang lebih baik dapat disediakan kepada murid-murid. Dari segi pengajaran dan pembelajaran pula, penyatuan sekolah-sekolah kecil ini dapat mengelakkan pengajaran secara kelas bercantum. Dalam jangka panjang, perkara-perkara tersebut akan membantu dalam peningkatan prestasi dan mutu pendidikan murid-murid.”⁵¹

Salah satu cara penggabungan sekolah kecil ialah dengan menggunakan sekolah induk. Antara kriteria pemilihan sekolah induk termasuklah mempunyai

⁴⁹ Malaysia, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, Kementerian pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1981, hlm.138.

⁵⁰ Malaysia, Sasaran Kerja Utama, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1994, hlm.19.

⁵¹ 1990 Nian Gongzuo Baogaoshu, (Laporan Tahunan 1990), GPGSCM, Kuala Lumpur, 1991, hlm.49-50.

lokasi yang strategik iaitu berdekatan dengan beberapa buah sekolah kecil, mempunyai kemudahan asas seperti bilik darjah yang mencukupi, asrama dan kemudahan jalan raya, dan keutamaan sekolah induk akan diberikan kepada sekolah menengah.⁵² Satu lagi kaedah penggabungan beberapa buah sekolah rendah ialah pewujudan Sekolah Wawasan. Konsep ini secara ringkas menyatukan sekolah-sekolah aliran Tamil, Cina dan Kebangsaan di bawah satu bumbung dan penggunaan kemudahan secara bersama.⁵³

Walau bagaimanapun, satu perkara yang perlu ditegaskan ialah bukan semua sekolah kekurangan murid boleh dicantumkan. Menurut Kementerian Pendidikan, percantuman sekolah-sekolah kekurangan murid biasanya hanya boleh dijalankan setelah mengambil kira aspek-aspek seperti lokasi sekolah, persetujuan ibu bapa, PIBG dan kemudahan pengangkutan dan perhubungan bagi murid-murid yang dipindahkan.⁵⁴

Selain itu, masalah sekolah di luar bandar yang bilangan muridnya berkurangan akibat daripada penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar juga sentiasa dalam perhatian dan kawalan Kementerian Pendidikan. Pihak

⁵² Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Parlimen Kesembilan 1996, 8 Julai Hingga 7 Ogos 1996: Jawapan Soalan Mulut, Soalan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 63, hlm.184-185.

⁵³ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parlimen Kesembilan, 16 Oktober 1995 Hingga 28 Disember 1995: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid.61, hlm.79.

⁵⁴ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Parlimen Ketujuh, 27 Jun Hingga 15 Julai 1988: Jawapan Soalan Mulut, Soalan Bertulis serta Ucapan, hlm.92.

Kementerian Pendidikan menganggap keadaan tersebut masih tidaklah membimbangkan sehingga boleh menyebabkan sekolah-sekolah berkenaan tertutup. Ini kerana kemasukan murid secara beramai-ramai ke sekolah-sekolah rendah di bandar akibat daripada penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar sentiasa dikawal dengan rapi oleh Jabatan Pendidikan Negeri.

Langkah-langkah yang diambil termasuklah menempatkan murid-murid di sekolah yang masih ada kekosongan, di samping memastikan bilangan murid dalam sesuatu kelas tidak melebihi bilangan yang sepatutnya, membuka kelas baru di sesebuah sekolah sekiranya bilangan murid bagi sesuatu darjah bertambah, mengadakan sekolah dua sesi sekiranya perlu, dan membina bilik darjah tambahan di sesebuah sekolah sekiranya bilik darjah yang sedia ada tidak mencukupi.⁵⁵

Mengikut perangkaan Kementerian Pendidikan tahun 1991 (Jadual 2.7), terdapat sebanyak 209 buah SRJK(C) dan 191 buah SRJK(T) di seluruh negara yang mempunyai jumlah bilangan murid yang kurang daripada 100 orang murid. Dari segi SRJK(C), 361 buah sekolah yang kurang murid adalah terletak di Perak, diikuti oleh Johor 60, Kedah 25, Sabah 21 dan Negeri Sembilan 20. Dong Jiao Zong membantah keras tindakan kerajaan untuk mencantum atau menutup sekolah-sekolah yang berbilangan kecil murid ini.

⁵⁵ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Parlimen Ketiga, 27 Jun Hingga 15 Julai 1988; Jawapan Soalan Mulut, Soalan Bertulis serta Ucapan, hlm.45-46.

Jadual 2.7 Bilangan SRJK(C) dan SRJK(T) Yang Mempunyai Bilangan Murid Kurang Daripada 100 Orang Mengikut Negeri, 1991

Negeri	SRJK(C)	SRJK(T)
Johor	60	39
Kedah	25	22
Kelantan	-	1
Melaka	14	10
Negeri Sembilan	20	17
Pulau Pinang	7	8
Pahang	13	14
Perak	361	59
Perlis	1	-
Sabah	21	-
Sarawak	-	-
Selangor	8	19
Terengganu	4	-
Wilayah Persekutuan	-	2
Jumlah	209	191

Sumber: Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Kelapan 17 Jun 1991 Hingga 7 Ogos 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 48, hlm.291.

Bagi menyelamatkan SRJK(C) kecil ini, Dong Jiao Zong menyeru kerajaan supaya tidak menutupnya dengan sewenang-wenangnya kecuali mendapat persetujuan daripada Lembaga Pengelola Sekolah, PIBG serta semua ibu bapa pelajar dan penaung sekolah.⁵⁶ Dong Jiao Zong amat berharap sekolah-sekolah ini dipindahkan ke tempat yang difikirkan sesuai. Mereka memohon

⁵⁶ Fail GPGSCM/Huaxiao[SRJK(C)], Surat dari Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada Datuk Dr. Sulaiman Daud, Menteri Pendidikan Malaysia, 27 Jun 1992, GPGSCM, Kuala Lumpur.

kepada kerajaan agar memudahkan proses permohonan pemindahan SRJK(C) dari tempat asal ke tempat lain serta menyediakan satu garis panduan permohonan yang berkaitan dengan perkara-perkara seperti mengenal pasti tanah.⁵⁷

Banyak cadangan dan permohonan untuk memindahkan SRJK(C) yang kekurangan murid ke kawasan yang baharu dan strategic telah dikemukakan oleh Lembaga Pengelola SRJK(C). Akan tetapi cadangan tersebut amat sukar dipertimbangkan memandangkan kerajaan memang tidak mempunyai dasar untuk menggalakkan SRJK ini berpindah ke bandar atau kawasan perumahan.⁵⁸

Pada dasarnya SRJK(C) yang telah ditubuhkan dahulu adalah untuk memenuhi keperluan kawasan di mana ia dibina. Lazimnya sekolah-sekolah berkenaan akan tertutup sendiri dan bukannya dipindahkan ke tempat lain sekiranya ia tidak diperlukan lagi. Bagi kawasan pertumbuhan baru pula, perancangan adalah dibuat berdasarkan keperluan masyarakat setempat secara menyeluruh. Berlandaskan dasar ini, sekiranya sekolah-sekolah yang sedia ada dan yang dirancang akan dibina dapat memenuhi keperluan kawasan tersebut, Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa penubuhan sekolah vernakular baru adalah tidak diperlukan.⁵⁹

⁵⁷ Memorandum Memperkembangkan Sekolah Cina, Berusaha Ke Arah Wawasan 2020, PPLPSCM dan GPGSCM, Kuala Lumpur, 1995, hlm.8.

⁵⁸ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parlimen Kesembilan, 16 Oktober 1995 Hingga 28 Disember 1995: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.84.

⁵⁹ Ibid., hlm.79.

Selain daripada pembinaan sekolah baru dan perpindahan sekolah kurang murid ke tempat yang lebih strategik dan sesuai, tuntutan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan juga berkisar pada masalah bangunan SRJK(C) yang uzur dan usang. Menurut kajian yang dilakukan oleh Dong Jiao Zong, kira-kira 88.14% SRJK(C) di Malaysia adalah didirikan sebelum tahun 1957.⁶⁰ Pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan merasa tidak puas hati kerana kerajaan hanya memperuntukkan kewangan yang sedikit untuk membina semula atau membaik pulih bangunan SRJK(C) yang buruk dan tidak selamat lagi digunakan. Sungguhpun mereka menyedari bahawa bukan semua SRJK(C) digolongkan sebagai sekolah bantuan penuh, namun mereka masih mengemukakan rayuan dan tuntutan agar bantuan penuh disalurkan untuk membina semula bangunan SRJK(C) yang uzur dan membahayakan keselamatan murid-murid serta membina kelas-kelas tambahan dan memperlengkapkan kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta fizikal asas di SRJK(C).⁶¹

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian serius kepada pembangunan fizikal semua jenis sekolah di negara ini. Malah bagi memastikan keadaan fizikal sekolah sentiasa selamat digunakan, rancangan dan tindakan telah diambil oleh Kementerian Pendidikan. Antaranya termasuklah mengadakan program “*ungrading*” dan pembaikan,

⁶⁰ Jawapan Soalan Persidangan Dewan Rakyat oleh Menteri Pendidikan Malaysia Datuk Abdullah Ahmad Badawi kepada pertanyaan bertulis daripada Yang Berhormat Koh Tsu Koon, Ahli Parlimen Kawasan Tanjung, 1986, dalam simpanan fail Pusat Sumber GPGSCM.

⁶¹ Fail GPGSCM/Huaxiao[SRJK(C)], Surat dari Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada Datuk Dr. Sulaiman Daud, Menteri Pendidikan Malaysia, 7 September 1992, GPGSCM, Kuala Lumpur.

melaksanakan program penambahan bangunan dan bilik darjah, serta menyediakan program gantian atau pembinaan semula.⁶² Pada dasarnya, kriteria dan tumpuan pembinaan projek-projek ini tidak dilaksanakan mengikut aliran sesebuah sekolah tetapi berdasarkan kepada keperluan yang mendesak.⁶³ Projek-projek sekolah ini biasanya akan diluluskan berdasarkan penilaian Jabatan Kerja Raya bahawa bangunan-bangunan yang sedia ada tidak selamat untuk digunakan.⁶⁴

Analisis Jadual 2.8 menunjukkan projek pembinaan semula bangunan sekolah dan penambahan bilik darjah di sekolah-sekolah bantuan rendah kerajaan dalam tempoh tahun 1957-1992. Kementerian Pendidikan ternyata telah memberi keutamaan kepada SK/SRK, selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menggariskan komitmen dan tanggungjawab sepenuhnya Kementerian Pendidikan untuk membangunkan sekolah kebangsaan yang dapat memenuhi keperluan masyarakat berbilang kaum. Dari segi angka, 92% projek pembinaan semula sekolah dan 76% projek penambahan bilik darjah adalah diperuntukkan kepada SK/SRK.

⁶² Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga Parlimen Kelapan 27 April 1992 Hingga 4 Jun 1992: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Jilid.50, hlm.29.

⁶³ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh 19 Jun 1989 Hingga 12 Julai 1989: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, hlm.18.

⁶⁴ Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Kelapan 17 Jun 1991 Hingga 7 Ogos 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.102-103.

Jadual 2.8 Pembinaan Semula Sekolah dan Penambahan Bilik Darjah Di Peringkat Sekolah Rendah Pelbagai Aliran Oleh Kerajaan Malaysia, 1957-1992

Jenis Sekolah Rendah	Pembinaan Semula Sekolah	Penambahan Bilik Darjah
SK/SRK	2,243 (92%)	26,857 (76%)
SRJK(C)	149 (6%)	7,028 (20%)
SRJK(T)	37 (2%)	1,462 (4%)
Jumlah	2,429 (100%)	35,347 (100%)

Sumber: Sin Chew Jit Poh, 26 Julai 1993.

Sungguhpun demikian, Kementerian Pendidikan masih tidak mengabaikan sekolah-sekolah aliran lain. Dalam tempoh yang sama, 20% daripada projek penambahan bilik darjah adalah diluluskan kepada SRJK(C) dan 4% kepada SRJK(T). Sementara 6% daripada projek pembinaan semula sekolah adalah diperuntukkan kepada SRJK(C), manakala 4% adalah diberikan kepada SRJK(T). Ini menunjukkan Kementerian Pendidikan memang berhasrat dan mengambil berat tentang pembangunan fizikal semua sekolah termasuklah SRJK(C) dan SRJK(T). Sebagaimana yang diterangkan oleh Kementerian Pendidikan bahawa:

“Walaupun Kementerian Pendidikan tidak membina Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina tetapi Kementerian ini sedia memberi bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah berkenaan jika sekiranya mereka memerlukan bantuan. Kementerian ini sentiasa mempertimbangkan permohonan bantuan untuk membaik pulih atau membaiki semula bangunan sekolah Cina yang usang dan buruk. Namun demikian memandangkan peruntukan yang ada adalah terhad, keutamaan bantuan hanya diberi kepada sekolah-sekolah yang benar-benar daif.”⁶⁵

Ringkasnya Kementerian Pendidikan ternyata menunjukkan kepekaan terhadap pembangunan SRJK(C). Ia tidak mengamalkan perbezaan syarat untuk menujuhkan SK/SRK berbanding dengan SRJK. Sebaliknya pembinaannya adalah berdasarkan keperluan. Sekolah rendah bantuan kerajaan termasuk SRJK(C) tidak pernah dibiarkan dalam keadaan yang buruk dan uzur. Perancangan projek gantian bangunan sekolah-sekolah tidak berdasarkan kepada jenis sekolah sama ada SK/SRK, SRJK(C) ataupun SRJK(T). Kementerian Pendidikan memperuntukkan bantuan pembangunan untuk tujuan menyelenggara bangunan sekolah bagi memastikan sekolah-sekolah tersebut selesa dan selamat untuk murid-murid belajar. Walau bagaimanapun, bilangan sekolah baru dan projek pengubahsuaian adalah bergantung kepada kemampuan kewangan negara.

⁶⁵ Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan kepada GPGSCM, 2 April 1991, GPGSCM, Kuala Lumpur; lihat juga Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan kepada GPGSCM, 18 September 1990, Huazi Resource & Research Centre, Kuala Lumpur.

Berdasarkan huraian-huraian di atas, dapat dirumuskan bahawa Kementerian Pendidikan memang mengambil berat tentang perkembangan SRJK(C) yang merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan. Bantuan kerajaan telah disalurkan kepada semua SRJK(C), sama ada yang bertaraf **bantuan penuh** mahupun bertaraf **bantuan modal**. Justeru itu, dakwaan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan kononnya Kementerian Pendidikan mengamalkan dasar diskriminasi terhadap SRJK(C) adalah tidak berasas sama sekali.

Walau bagaimanapun, layanan yang diberikan kepada SRJK(C) tidak dapat disamakan dengan SK/SRK yang merupakan komitmen dan tanggungan kerajaan sepenuhnya di bawah dasar pendidikan kebangsaan. Pada hakikatnya, terdapat satu sikap teguh di kalangan pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan yang mahu mengekalkan identiti dan kuasa autonomi SRJK(C) termasuk hak milik tanah. Pada masa yang sama, mereka menuntut layanan saksama daripada kerajaan seperti taraf SK/SRK, terutamanya dari segi peruntukan kewangan yang berdasarkan bilangan murid serta pembinaan sekolah baru berdasarkan keperluan. Mereka tidak mahu menerima kuasa autonomi kerajaan ke atas SRJK(C) tetapi dalam masa yang sama menginginkan hak seperti SK/SRK. Lantaran itu, Kementerian Pendidikan telah menolak tuntutan mereka kerana ia bertentangan hasrat dan aspirasi perpaduan nasional.